



**SENARAI SEMAK BAGI MENJADIKAN SEKOLAH SEBAGAI PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA**

PERKARA	TANDAKAN
<b>1. AGENDA PERJUMPAAN PERTAMA</b>	
Tubuhkan dan melantik ahli jawatankuasa	
Tentukan perancangan dan kumpulan sasaran (merujuk di bahagian bawah untuk perancangan)	
Tentukan tugas bagi setiap ahli jawatankuasa berdasarkan perancangan dan sasaran (merujuk di bahagian bawah untuk tugas)	
Pastikan semua ahli jawatankuasa <b>jelas dengan tugas sendiri</b>	
<b>2. PENILAIAN TEMPAT</b>	
Tentukan tempat yang sesuai untuk meletakkan tong kitar semula	
Pastikan bilangan tong kitar semula adalah <b>mencukupi dan dilabelkan dengan jelas</b>	
Tentukan ruang yang sesuai untuk menyimpan barangan kitar semula yang terkumpul	
Pastikan tong dan ruang penyimpanan adalah selamat dan tiada haiwan perosak yang akan merosakkan barang-barangan kitar semula	
<b>3. SUDUT INFOMASI TENTANG KITAR SEMULA</b>	
Tentukan tempat yang sesuai untuk meletakkan papan/poster infomasi tentang kitar semula dan pengasingan mengikut jenis barangan kitar semula di sekeliling sekolah/komuniti	
Pastikan infomasi yang dipaparkan adalah <b>JELAS DAN BENAR</b>	
Sediakan mesej peringatan di sekeliling sekolah/komuniti untuk mendidik dan mengalakkan <b>amalan kitar semula dengan BETUL</b>	
Guna <b>bahan kitar semula dan mesra alam</b> untuk menyediakan papan/poster infomasi tentang kitar semula adalah digalakkan	
Pastikan infomasi yang jelas telah diberi kepada warga sekolah/komuniti, supaya <b>tiada barang yang tidak relevan</b> dimasukkan dalam tong kitar semula	
<b>4. INFOMASI TENTANG PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA/PEMBELI BARANGAN KITAR SEMULA</b>	
Cari pusat pengumpulan kitar semula/pembeli barangan kitar semula yang terdekat di sekolah/komuniti anda dan mendapatkan infomasi yang berkenaan	
Pastikan jenis dan kriteria barangan kitar semula yang diterima oleh pusat pengumpulan kitar semula/pembeli barangan kitar semula	
Pastikan jenis barangan kitar semula yang <b>TIDAK DITERIMA</b> oleh pusat pengumpulan kitar semula/pembeli barangan kitar semula	
Tentukan jenis barangan kitar semula yang anda ingin kumpul di sekolah/komuniti	
<b>5. PROMOSI DAN PENGLIBATAN</b>	
Mengumumkan aktiviti pengumpulan barang kitar semula anda kepada kumpulan sasaran	
Tentukan cara promosi bagi aktiviti pengumpulan tersebut, untuk mengalakkan	



kumpulan sasaran mengitar semula (cth: mengumumkan aktiviti tersebut melalui penghimpunan, kelas demi kelas, atau melalui risalah)	
Maklumkan warga sekolah/komuniti jenis barangan kitar semula yang anda <b>kumpul dan tidak kumpul</b>	
Jika situasi mengizinkan, boleh mengadakan aktiviti yang mengalakkan amalan kitar semula (cth: taklimat, pertandingan, demonstrasi, dan lain-lain)	
<b>6. SISTEM PENGUMPULAN</b>	
Tentukan cara pengumpulan (cth: secara layan diri, mengadakan waktu operasi di sesuatu tempat, atau lain-lain)	
Pastikan <b>arahan yang jelas</b> telah diberi kepada warga sekolah/komuniti anda, supaya mereka mengambil tahu tentang cara pengumpulan (cadangan: masukkan infomasi ini semasa mempromosikan aktiviti pengumpulan tersebut)	
Tentukan tempoh pengumpulan dan waktu jadual (sekiranya ada dan berkenaan)	
Pastikan barang kitar semula yang diterima adalah <b>bersih dan kering</b>	
<b>Asingkan</b> barang kitar semula mengikut jenis	
<b>7. PENJUALAN BARANG KITAR SEMULA</b>	
Hubungi pusat pengumpulan kitar semula / pembeli barangan kitar semula yang telah anda jumpa untuk membeli barang kitar semula yang anda kumpul	
Catatkan data barang kitar semula yang telah dijual (cth: jenis, bilangan, berat) sebagai rekod	
Simpan semua resit jualan sebagai rekod	